

# TOLERANSI DAN KEADILAN BERAGAMA DI BAWAH PEMERINTAHAN ISLAM: PENGALAMAN JERUSALEM

SHAYKH MUḤAMMAD SA'ĪD RAMAḌĀN AL-BŪṬĪ

Diterjemahkan Oleh:  
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



Terbit edisi e-buku, Ogos 2022  
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Sumber Asal: Diterjemahkan dari bahagian akhir makalah  
*Mu'āmalah al-Dawlah al-Islāmiyyah li Ghayr al-Muslimin: Al-Quds Namūdhajan*

Pengarang: Shaykh Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī

Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail

Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail

Reka Bentuk Kulit: Ahmad Aiman

Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)

No. 6, Jalan TC 2A/2,

Taman Cemerlang

53100 Kuala Lumpur

MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500

No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299

No.Faks: +603-4108 2400

Emel: abimpressmy@gmail.com

Laman Sesawang: www.abimpress.com

FB: www.facebook.com/abimpressmy

Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun  
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di  
halaman FB Abim Press:



# MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat terjemahan bahagian terakhir daripada tulisan Shaykh Muḥammad Saʿīd Ramaḍān al-Būṭī ini, *Muʿāmalah al-Dawlah al-Islāmiyyah li Ghayr al-Muslimīn: Al-Quds Namūdhajan*, yang dibentangkan beliau dalam ucaptamanya pada 7.9.1999 lalu di Sidang Konferens Antarabangsa Ketiga berkenaan Islamic Jerusalem di Universiti London.

Di dalam petikan yang kita pilih ini, Shaykh menjelaskan dan mengingatkan akan pengalaman Jerusalem sebagai sebuah kawasan suci bagi umat tiga agama: Islam, Kristian dan yahudi, akan toleransi dan keadilan beragama di bawah

naungan pemerintahan Islam, bermula daripada zaman Sayyidinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb *radīyAllāhu ‘anhu*.

Maklumat sejarah ini menurut kita amat penting dikaji dan dikemukakan sebagai bukti bahawa kewujudan Islam di bumi Jerusalem pernah mewujudkan dan menjaga keamanan antara penduduk pelbagai agama di Jerusalem. Ia berbeza dengan naratif yang cuba dibawa oleh rejim aparteid kononnya umat Islam datang menjajah Jerusalem dan menindas yahudi, sedangkan merekalah yang ditindas oleh Rom dan Islamlah yang datang membebaskan mereka.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebarkan oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qur’ān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq at Tauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

24 Muharram 1444H / 22 Ogos 2022M

Maktabah at Tauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah.

TOLERANSI DAN KEADILAN  
BERAGAMA DI BAWAH  
PEMERINTAHAN ISLAM:  
PENGALAMAN JERUSALEM

Oleh:

Shaykh Muḥammad Saʿīd Ramaḍān al-Būṭī



Sememangnya diketahui bahawa tanah Syam (*Levant*) dengan segenap kota-kotanya –sebelum pengutusan Muḥammad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* – berada di bawah pemerintahan Rom (Rom Byzantine). Yang terutama sekali (antara sekalian kota itu) ialah Jerusalem (al-Quds). Rom Byzantine menjadikan agama Kristian sebagai agama rasmi secara luarannya, hanyasanya ia (pemimpin kerajaan) itulah

yang memilih aliran yang bersesuaian dengan hawa nafsunya setelah ia dipinda dan diubah sesuka hatinya.

Empayar besar ini dalam menangani kepelbagaian mazhab-mazhab Kristian, sewajarnya memiliki pendirian seperti pendirian Islam terhadap umat Kristian – minimumnya – di mana ia (kerajaan) boleh hidup bersamanya (aliran-aliran Kristian yang lain) dan membelanya daripada sebarang unsur penindasan. Akan tetapi, ia tetap berkeras untuk menghapuskan aliran-aliran Kristian lain yang bertentangan dengan mazhab rasminya, serta berpendapat bahawa membantahnya (aliran rasmi itu) sebagai pemberontakan politik. Oleh itu, ia pun berusaha sepenuhnya untuk membasmi seluruh aliran kepercayaan Kristian yang berbeza dengan aliran rasmi, adakalanya dengan cara mengadakan majlis-majlis perjumpaan (*council*)<sup>1</sup> yang dianjurkan oleh maharaja (Rom) dan dihidirinya sendiri,

---

1 Majlis perjumpaan atau mesyuarat (terj. *Council/Konsili*) ini pertama kali diadakan pada 50M di Jerusalem. Ia dikenali juga dengan Mesyuarat Para Rasul (*Apostolic Council*) yang dipimpin oleh Paul, dan dicatat dalam Kitab Para Rasul dalam Perjanjian Baharu. Meskipun mesyuarat ini tidak dinilai rasmi, ia menandakan wujudnya usaha-usaha awal penyatuan umat Kristian di bawah pemerintahan Rom. Adapun mesyuarat rasmi diadakan setelah pimpinan Rom Byzantine menganut agama Kristian, bermula dari Mesyuarat Nicea Pertama pada 325M yang dihadiri Maharaja Constantine 1. Pada mesyuarat Nicea ini, akidah Kristian disusun semula untuk memurnikannya daripada ajaran Kristian-Arian yang dinilai sesat oleh majoriti paderi pada ketika itu. Pengakuan Iman Nicea (*Nicene Creed*) digagaskan dan pengikut aliran Arian dicap sebagai sesat. Mesyuarat-mesyuarat seperti ini memiliki kesan politiknya, seperti yang dinyatakan Shaykh di sini, selalunya berakhir dengan pembantaian aliran-aliran yang dinyatakan sesat.

dan adakalanya dengan cara pembasmian dan pembantaian para paderi (yang tidak semazhab).

Jerusalem (al-Quds) sendiri telah menyaksikan silsilah peristiwa-peristiwa seperti ini yang takkan dilupakan dalam lipatan sejarah. Di dalam salah satu pembantaian Byzantine, kerajaan – sepertimana yang dikisahkan Fiktūr Sahnāb – telah membunuh 200 ribu orang Koptik yang beraliran Ya‘qūbiyyah (*Jacobites*).<sup>2</sup>

Justeru, situasi sebenar masyarakat Kristian di Jerusalem – sepertimana masyarakat Kristian yang lainnya di segenap negeri-negeri Syam (*Levant*) – berada dalam keadaan dijajah dan hina-dina di bawah pemerintahan empayar Rom. Hal ini menjelaskan bahawa Abū ‘Ubaydah (bin al-Jarrah) ketikamana beliau (bersama tentera muslimin) menuju ke Jerusalem untuk mengepung (dan menawan), beliau pada hakikatnya sedang mengepung musuh yang menjajah.<sup>3</sup>

---

2 Merujuk kepada pengikut Jacob Baradeus, uskup Edessa pada zamannya kurun 6M. Ajaran yang disampaikananya merupakan ajaran yang telahpun diiktiraf sesat oleh mesyuarat Chalcedon pada tahun 451M.

3 Pembukaan al-Quds oleh Abū ‘Ubaydah *radīyAllāhu ‘anhu* bermula dari Syawal 15H hingga Rabiul Awal 16H bersamaan 636M-637M. Ketua uskup (*Patriarch*) Jerusalem pada ketika itu Sophronius bersetuju untuk menyerahkan diri dan menyerahkan Jerusalem kembali kepada muslimin, dengan syarat ia haruslah dibuka sendiri oleh Sayyidinā ‘Umar al-Khaṭṭāb *radīyAllāhu ‘anhu* selaku Khalifah. Pada peristiwa ini juga, sebuah perjanjian perlindungan telah dimeterai antara penduduk Jerusalem yang bukan Islam dengan Sayyidinā ‘Umar, bahawa beliau akan menjamin kebebasan mengamalkan agama masing-masing dalam Jerusalem sekiranya Jerusalem berada di bawah pimpinan Muslimin. Perjanjian

Hal yang paling menjelaskan situasi ini ialah bagaimana masyarakat Kristian di Jerusalem dan bangsa yahudi yang ada bersama dengan mereka amat meraikan ketibaan umat Islam kepada mereka dan memeterai perjanjian (*al-Sulh*) dengan mereka, berharap ia akan memberi kebaikan yang mencurah-curah buat mereka, dan sebagai cara pembebasan mereka daripada kezaliman Byzantine.

Adapun penolakan mereka kepada pemeteraian janji dan penerimaan ketibaan muslimin (ke Jerusalem) melalui Abū ‘Ubaydah bukanlah bererti mereka enggan melaksanakan perjanjian ini. Akan tetapi, kerana mereka sendiri telah membaca di dalam kitab-kitab mereka yang keuntungan besar ini akan diperolehi melalui ‘Umar bin al-Khaṭṭāb secara langsung (bukan melalui wakil atau perantara). Oleh itu mereka bertegas juga untuk mengatur pemeteraian janji ini bersama beliau (Sayyidinā ‘Umar) dan bukan dengan selainnya.

Apabila ‘Umar menyahut seruan dan kemahuan penduduk Aelia (*Īliyā*),<sup>4</sup> beliau sendiri pergi memasuki Jerusalem dan Bayt al-Maqdis (Masjid al-Aqsa), dan menulis perjanjian yang masyhur itu dengan mereka. Fasal perjanjian yang paling menonjol ialah berkenaan tentang persetujuan kedua-dua pihak (muslimin dan penduduk Jerusalem yang bukan Islam) untuk mengusir Rom

---

ini dinamakan *al-‘Abdah al-‘Umariyyah* (Perjanjian Umar), diriwayatkan dalam pelbagai sumber antaranya *Tārikh al-Ṭabari* (sumber Islam) dan *al-Tārikh al-Majmū‘* (sumber Kristian).

4 Nama Jerusalem (al-Quds) di bawah pemerintahan Byzantine.



daripada kawasan mereka (yakni mengusir Rom keluar Jerusalem).

Oleh itu, adakah wujud kebaikan buat ahli Kitab (yahudi dan kristian) di Jerusalem yang lebih utama dan agung berbanding perjanjian ini; sebuah perjanjian yang menandakan pembebasan mereka daripada kezaliman dan penindasan Rom ke atas mereka, dan penukaran status mereka bermula hari itu menjadi orang-orang merdeka sepertimana yang mereka kehendaki selama ini – meskipun mereka berbeza aliran dan pegangan?

‘Umar *radīyAllāhu ‘anhu* pergi menuju ke tempat berdebu dan kotor yang bertimbun di atas Golgotha,<sup>5</sup> (yang dikotorkan) oleh perintah Rom dan juga sebuah tipu daya daripada bangsa yahudi, di mana mereka berusaha keras mencemarkan dan mengotorkan tempat yang didakwa mereka sebagai tempat salib al-Masiḥ (Jesus), tempat di mana Gereja Makam Suci didirikan. Daku katakan: ‘Umar datang ke Golgotha dan membersihkannya sendiri dengan selendangnya. Apabila umat Islam dan selain mereka (yang bukan Islam) yang berada di samping beliau ketika itu melihat sendiri tindakan beliau ini, mereka kesemuanya bergerak membersihkan segala kotoran dan tanah yang bertumpuk di atasnya. Sesudah itu pula, beliau pergi ke tempat pembuangan sampah yang dibuat yahudi di atas kawasan Gereja Makam Suci itu. Beliau

---

5 Juga dikenali sebagai Calvary, ia merupakan tempat di dalam Gereja Makam Suci (*Church of Holy Sepulchre/Kanīsat al-Qiyāmat*) di mana ia diyakini sebagai tempat salib Jesus.

sendiri memerintahkan agar segala kotoran itu dibuang dan dibersihkan.<sup>6</sup>

Inilah yang dibuat oleh ‘Umar untuk menjalin dan mengeratkan hubungan antara kedua-dua agama *Kitābī* (Kristian dan yahudi), selepas bagaimana politik Rom mencipta api kemarahan dan kebencian antara kedua-dua pihak.

Daku tertanya-tanya: adakah akan wujud lagi pembukaan (tanah dan kawasan) yang dilakukan secara bertamadun dan manusiawi yang memelihara kebebasan dan hak manusia, sehebat dan semulia yang kalian lihat dalam kisah (pembukaan Jerusalem oleh Sayyidinā ‘Umar) ini? ‘Umar tidak melakukan tindakannya ini atas kapasiti politiknya sebagai khulafā’ rāshidīn, akan tetapi beliau merealisasikan ajaran-ajaran Islam dan ikhlas dalam mempraktikkannya sepertimana yang diterimanya daripada Kitābullāh dan Sunnah Rasul-Nya.

Daku engganlah mensyarahkan Perjanjian ‘Umar itu – sepertimana yang mereka namakan – untuk menambahkan keyakinan kita tentang bagaimana pembukaan-pembukaan Islam melazimi sikap menjaga kebebasan dan hak-hak manusia. Hal ini kerana, penulisan perjanjian seperti ini merupakan salah satu cabang (fiqh) daripada sekalian hukum-hakam Islam yang diamalkan oleh ‘Umar dan generasi beliau tanpa sebarang penyelewengan (daripada ajaran asal Islam). Ia pada hakikatnya merupakan refleksi dan

---

6 *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 7/56. (Shaykh)

pantulan yang amat tepat kepada (ajaran) yang terbuku di dalam isi kitab-kitab Syariah Islam berkenaan adab interaksi antara umat Islam dan Ahli Kitab. Inilah dia pegangan asalnya dan yang menjadi pembantunya (yang menjelaskan interaksi ini) dalam setiap keadaan.

\*\*\*

Kini, daku ingin lontarkan soalan kedua: Kalian lihat sendiri adakah hubungan antara muslimin dan ahli Kitab di Jerusalem dan sekelilingnya, sesudah (peristiwa pembukaan Sayyidinā ‘Umar) itu, mengikuti contoh misali yang diamalkan pada zaman Rasūlullāh – di bawah lembayung perjanjian yang menjadi rujukan dan pengadilan sesudah hijrahnya Rasūlullāh ke Madinah, yang telah menjalinkan hubungan yang erat (antara penduduk Madinah), membentuk sikap saling bantu-membantu, dan menjamin kesamarataan pada hak dan kewajiban?

Daku katakan: Yang terbaik menjawab soalan ini dan yang paling teliti menjelaskan realiti sejarahnya ialah para sejarawan. Ibn ‘Asākir dan Zaynī Daḥlān meriwayatkan di dalam bukunya *al-Futūḥat al-Islāmiyyah* (Pembukaan-pembukaan Islam) bahawa majoriti penduduk Jerusalem dan Syam (Levant) menganut agama Kristian. Apabila Perang Salib tercetus, umat Islam pula yang berubah menjadi majoritinya. Sebabnya ialah para tentera salib memberi pilihan kepada masyarakat Kristian-Arab sama ada untuk bersama dengan umat seagama dengan mereka (yakni menyertai tentera salib) atau bersama dengan umat sebangsa mereka (yakni bersama

bangsa Arab-Islam). Majoriti mereka memilih pilihan kedua; pilihan yang membawa padah kepada mereka. Perang Salib sama-sama memberi mudarat kepada Kristian-Arab sama seperti ia memudaratkan umat Islam, sedangkan pada zahirnya yang sewajarnya ia memberi manfaat kepada mereka (yakni kononnya mereka tidak diapa-apakan tentera salib yang seagama mereka). Inilah faktor yang menjadikan umat Islam sesudah itu menjadi majoriti (di Jerusalem dan Syam).<sup>7</sup>

Bukankah realiti ini menjadi jawapan terbaik dan terjelas bagi soalan tadi? Apakah yang menjadikan Kristian-Arab di Jerusalem dan sekitarnya bersolidariti bersama umat sebangsa mereka daripada muslimin, di dalam pasukan yang sama menentang umat seagama mereka para tentera salib, sekiranya bukan kerana hubungan antara masyarakat Kristian dan Islam di situ terbina atas manifestasi terbaik bagi sifat kejiranan yang erat, penjagaan hak, dan penjalinan hubungan baik dan saling bantu membantu antara sesama.

Serta, apakah yang menjadikan umat Kristian menjadi majoriti di situ hinggalah tercetusnya perang salib, ketika di mana mereka berada di bawah naungan sistem pemerintahan Islam, kiranya kalau bukan kerana Islam telah memelihara kebebasan berakidah, dan telah memerintah secara adil dan saksama, memelihara hak kesemua warga daripada dicabul?

---

7 Kalian boleh baca sendiri rekod yang ditulis oleh para sejarawan muslim seperti Ibn ‘Asākir, Ibn al-Athīr dan Zaynī Daḥlān. Hanyasanya yang wajar buatku ialah menyarankan kepadamu untuk membaca kajian peristiwa ini di dalam buku “*Man Yaḥmī al-Masīḥiyyīn al-Arab* (terj: Siapa yang melindungi Kristian-Arab?)” oleh Fiktūr Sakhāb m.s. 13-14 dan m.s. 19-20. (Shaykh)

Seterusnya. Sekiranya Islamlah yang telah menghalang yahudi daripada mencemarkan dan mengganggu Kristian, dan menghalang Kristian daripada mencemarkan dan mengganggu yahudi, di kawasan sucinya Golgota dan Gereja Makam Sucinya; dan ia-lah (Islam-lah) yang telah membebaskannya (Jerusalem) dan masyarakat sekelilingnya daripada kezaliman Rom, yang akhirnya mengubah Syam (*Levant*) sesudahnya menjadi lapangan yang aman tenteram, menaunginya dengan rasa kasih, cinta, keadilan dan kesaksamaan yang diamalkan secara sama rata antara aliran kepercayaan dan seluruh kumpulan yang ada; lalu dengan hak apakah Islam dihalang daripada beroleh kemuliaan memimpin secara manusiawi ini, dan dengan hak apakah ia dihalang daripada tugas sucinya untuk menjaga hak-hak (manusia di Jerusalem) dan merealisasikan prinsip keadilan dan kesaksamaan (di Jerusalem)?

Hanyasanya mereka yang tidak senang dengan Islam dan umatnya di tanah suci (Jerusalem) ini pada hari ini, mereka sebenarnya sejak dahulu lagi tidak senang dengan pencapaian (Islam) terdahulu; keadilan ganti kezaliman, kasih ganti seteru, dan kesaksamaan ganti penindasan!

Oleh itu, wajarlah bagi mereka yang berasa benci dengan Islam dan segala hak-haknya, untuk dia tidak menyembunyikan kebenciannya kepada seluruh nilai-nilai kemanusiaan. Dan wajarlah juga untuknya menyatakan kerinduannya kepada kezaliman, kerosakan, dan kediktatoran!

\*\*\*

Alḥamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi karya *Toleransi dan keadilan beragama di bawah pemerintahan Islam: Pengalaman Jerusalem* – Shaykh al-Būṭī ini, pada malam 24 Muharram 1444H, bersamaan 22.8.2022M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik menerimanya dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

